

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	6 November 2015

Perkhidmatan rawatan disediakan antara terbaik di dunia – Najib

# Perubatan hospital kerajaan

um - 6/11/2015

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 5 NOV.



**PERDANA** Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) telah lama menyediakan perkhidmatan penubatan dan rawatan berkualiti antara yang terbaik di dunia.

Beliau berkata, penyediaan perkhidmatan itu diberikan pada kadar yang rendah malah antara yang termurah berbanding negara-negara lain.

Justeru, tegas beliau, dasar berkenaan akan diteruskan mengikut kemampuan kerajaan sebagai usaha untuk membantu rakyat khususnya golongan kurang berkemampuan.

"Petang semalam, saya telah berkunjung ke Hospital Shah Alam sebagai salah satu tinjauan pelaksanaan Bajet negara yang dibentangkan kerajaan.

"Selepas menerima taklimat daripada Pengarah Hospital, Dr. Hasni Hanapi dan dibawa melihat sendiri fasiliti dan perkhidmatan yang akan disediakan oleh hospital termasuk wad, unit hemodialisis, farmasi, dan unit lain, saya yakin ia akan memberi manfaat kepada orang awam di Lembah Klang, khususnya kepada penduduk Shah Alam dan kawasan berhampiran apabila mula beroperasi sepenuhnya kelak," katanya menerusi blog beliau. *najibrazak.com* hari ini.

Perdana Menteri berkata, hospital kerajaan tidak mengenakan caj konsultasi kepakaran dan menetapkan kadar yang rendah untuk perubatan dan perkhidmatan lain berbanding hospital swasta.

Menurut Perdana Menteri, setakat beroperasi selama sebulan sahaja, Hospital Shah Alam telah mampu memberi khidmat kepakaran kepada 623 pesakit luar dan ia merupakan satu angka yang amat

memberangsangkan.

"Dengan persediaan rapi oleh pihak Kementerian Kesihatan dan Hospital Shah Alam, saya yakin mereka dapat menampung kadar kehadiran pesakit yang ramai dan memberikan perkhidmatan yang berkualiti pada kadar yang rendah sebagaimana yang ditetapkan oleh kerajaan kepada orang awam berbanding dengan caj yang dikenakan oleh klinik dan hospital swasta.

"Bagi sesiapa yang memerlukan perkhidmatan wad seperti bersalin, caj katil hanya antara RM3-RM80 satu malam di hospital-hospital kerajaan. Bandingkan pula dengan caj oleh hospital swasta yang jauh lebih tinggi.

"Pesakit hemodialisis pula kini hanya perlu membayar RM15 untuk setiap sesi berbanding caj perkhidmatan swasta adalah antara RM200-RM250," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, Kementerian Kewangan dan Kementerian Kesihatan akan mempertimbangkan cadangan yang dikemukakan oleh pegawai-pegawai perubatan berhubung pengkajian dan penstrukturan semula grad jawatan bagi doktor-doktor pakar dan sistem kenaikan pangkat.

Selain itu, turut diambil perhatian ialah berkenaan cadangan penambahan ruang dan peralatan khusus bagi Pengimejan Resonans Magnet (MRI) yang mampu membantu meningkatkan kapasiti dan rangkaian perkhidmatan di hospital terbabit.

"Kepada pengurusan dan anggota perubatan Hospital Shah Alam, kerajaan menghargai persediaan rapi untuk hospital baru ini dan teruskanlah usaha murni anda dalam memberi rawatan kepada mereka yang memerlukan," katanya.

NAJIB TUN RAZAK mempengerusikan Mesyuarat Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Maximus Johnny Ongkili (kanan) dan kenamaan lain. - BERNAMA